

- Politeknik Melaka melakar kejayaan tersendiri apabila meraih dua anugerah emas dan naib johan bagi kategori teknikal pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014 peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia baru-baru ini. Pertandingan selama tiga hari di Dewan Platinum Politeknik Merlimau itu menyaksikan sebanyak 31 kumpulan iaitu 14 kumpulan bagi kategori teknikal dan 17 kumpulan kategori pengurusan mengambil bahagian pada konvensyen KIK kali ini. Politeknik Melaka yang hanya menghantar dua kumpulan pada konvensyen berkenaan memenangi dua anugerah emas menerusi kumpulan CMATRIX (kategori pengurusan) dan SMART (kategori teknikal). Selain itu, Kumpulan SMART berjaya merangkul tempat kedua kategori teknikal dengan tajuk 'Layar Projektor Tidak Effisien'. Pengarah Politeknik Melaka, Rashidah Mustapa berkata, kejayaan itu memberi makna tersendiri kepada kolej berkenaan dan membuktikan kemampuan mereka untuk bersaing dengan para peserta dari politeknik seluruh negara. "Sasaran kita seterusnya adalah Konvensyen KIK peringkat kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang turut akan diwakili kumpulan SMART bersama sepuluh pemenang lain iaitu kategori pengurusan dan kategori teknikal. "Kita berharap wakil dari politeknik ini dapat mempertingkatkan usaha dan kualiti seterusnya mencipta kejayaan yang lebih membanggakan," katanya. Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik, Dr. Abdul Rahim Ahmad dalam ucapan perasmianya berkata, objektif KIK adalah memberi penekanan inovasi dan kreativiti dalam menyelesaikan masalah pembelajaran dan pengajaran (P&P) serta pengurusan politeknik. "Sehubungan itu, cetusan idea para pensyarah bagi memudahkan P&P bukan sahaja membawa manfaat kepada sistem pembelajaran Politeknik malahan membantu para pelajar memahami serta mempercepatkan kaedah pembelajaran mereka" katanya. Penilaian dijalankan kepada para peserta dalam konvensyen ini menekankan empat kriteria iaitu 'on site panel' (20%), persembahan (20%), viva (40%) dan tapak pameran (20%) yang membawa markah keseluruhan sebanyak 100%. - See more at: <http://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/politeknik-melaka-raih-2-emas-1.2603#sthash.8SMIZoT6.dpuf>

KUMPULAN TEKNIKAL TERBAIK:

- 1) ONE AIM - PEMANTAUAN BEKALAN AIR KURANG EFISEN DI PMU (PMU)
- 2) SMART - KAIN LAYAR (SKRIN) PROJEKTOR YANG TIDAK EFISEN (DSWBOARD) (PMK)
- 3) MATRIX - KESUKARAN PENSYARAH MELUKIS GAMBARAJAH GEOMETRI BERSKALA (PUO)
- 4) POLIKU PRIME - LENOSAFE (PKS)
- 5) MECHIMPRESSIVE - i-POCKET (PMM)

KUMPULAN PENGURUSAN TERBAIK:

- 1) CHAMS - PENGGUNAAN STOK BEKALAN PEJABAT TIDAK EFISEN (PTSS)
- 2) VCARE - PENGURUSAN KAJISELIDIK KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN MENGAMBIL MASA YANG PANJANG DAN KOS YANG TINGGI (PSP)
- 3) GJK - PROJEK AKHIR PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM KURANG MEMUASKAN (PMU)
- 4) 4Re@SPA - MEMANTAPKAN SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK (PUO)
- 5) DE BAUNG - PENGURUSAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA STAF POLITEKNIK HULU TERENGGANU (PHT)

PEMENANG KATEGORI PAMERAN TERBAIK:

- MYPRO THINK-PEMBANGUNAN PORTAL MAKLUMAT DAN RUJUKAN BERPUSAT DI JABATAN PERDAGANGAN (PMM)

PEMENANG KATEGORI PERSEMBAHAN TERBAIK:

MECHE-COMPACT HAND TOOLS STORAGE (PPD)

PEMENANG KATEGORI VIVA TERBAIK:

ONE AIM - PEMANTAUAN BEKALAN AIR KURANG EFFISIEN DI PMU (PMU)

PEMENANG KESELURUHAN KIK

2014:

PMU

PELAKSANAAN AKTIVITI
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH
TAHUN 2011

1. LATAR BELAKANG

Misi Institut Pendidikan Guru (IPG) ialah melahirkan guru yang berkualiti dan berjiwa pendidik melalui program pendidikan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Bagi merealisasikan misi ini, pendekatan baru yang lebih kreatif dan inovatif khususnya dari segi strategi, struktur dan pembudayaan di IPG Kampus Ipoh perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, penubuhan pasukan-pasukan kerja di peringkat pensyarah/staf atau Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah signifikan dalam menyelesaikan masalah secara inovatif dan kreatif serta melonjakkan kecemerlangan organisasi. Langkah ini juga adalah sejajar dengan usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti organisasi yang lebih sistematik, cekap dan berkesan khususnya dalam konteks mewujudkan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (Total Quality Management) di IPG Kampus Ipoh.

Pelaksanaan KIK di IPG Kampus Ipoh telah dipergiatkan pada tahun 2010 yang juga merupakan Tahun Meraikan Kreativiti dan Inovasi untuk negara. Manakala pada tahun 2011, IPG Kampus Ipoh telah merancang untuk meningkatkan lagi aktiviti KIK melalui penyertaan pertandingan dan aktiviti pembudayaan KIK. Sehubungan itu, pertandingan KIK telah dirancang bagi memberi pengiktirafan kepada warga IPG Kampus Ipoh yang telah menunjukkan prestasi cemerlang melalui projek KIK yang dilaksanakan. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan KIK, aktiviti bimbingan dan penataran KIK turut dirancang untuk dilaksanakan di IPG Kampus Ipoh pada sepanjang tahun ini.

2. TUJUAN

Aktiviti KIK ini diadakan dengan tujuan:

- (i) Memberi pengiktirafan secara formal kepada pensyarah dan pelajar IPG Kampus Ipoh yang telah berjaya menghasilkan sesuatu inovasi melalui projek KIK;
- (ii) Menggalakkan warga IPG Kampus Ipoh untuk lebih bersikap kreatif, inovatif dan meningkatkan sumbangan ke arah pembangunan pendidikan;
- (iii) Memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti kerja melalui semangat kerja berkumpulan;
- (iv) Memilih pasukan KIK terbaik yang akan mewakili IPG Kampus Ipoh; dan
- (v) Memupuk cita-cita dan hasrat untuk menjadikan IPG Kampus Ipoh sebagai institusi pendidikan guru yang terbaik dan bertaraf dunia.

3. PRINSIP DAN KAEDAH KIK

Berdasarkan kepada Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dikeluarkan oleh Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri pada 1 November 2009, KIK adalah sepasukan pekerja (4 - 10 orang) yang mewakili tempat kerja yang sama atau bersilang fungsi. KIK bermesyuarat secara tetap untuk menyelesaikan masalah kerja atau membuat penambahbaikan ke atas standard yang sedia ada atau menghasilkan cara kerja atau sistem perkhidmatan yang baru. Pasukan ini mengenal pasti, memilih, menganalisis dan seterusnya mencetuskan idea yang kreatif dan inovatif mengenai sesuatu isu atau perkara berkaitan dengan kerja atau organisasi. Pasukan ini mengemukakan cadangan-cadangan kepada pihak pengurusan untuk pertimbangan dan keputusan. KIK melaksanakan keputusan yang telah dipersetujui, membuat pemantauan dan penilaian pelaksanaan projek, serta mengambil tindakan membuat penyeragaman dan meluaskan pelaksanaan projek.

4. KATEGORI ANUGERAH DAN SYARAT PENYERTAAN KIK

Bagi tujuan langkah penjimatan masa dan kos, pertandingan KIK Peringkat IPG Kampus Ipoh Tahun 2011 diadakan secara serentak dengan Pertandingan Inovasi Peringkat IPG Kampus Ipoh Tahun 2011.

Antara kategori anugerah dan penyertaan yang dipertandingkan ialah sepertimana berikut:

(i) Anugerah KIK dan Inovasi yang dipertandingkan ialah bagi kategori Pengurusan dan kategori Teknikal.

Kategori Pengurusan :

Kategori Pengurusan ialah projek yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran atau sistem prosedur kerja. Contohnya projek pengurusan ialah penggabungan borang permohonan, lesen komposit, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada sistem baru yang boleh menjimatkan masa, meningkatkan kepuasan hati pelanggan serta faedah lain.

Kategori Teknikal :

Kategori teknikal ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahan (industrial arts) dan sains gunaan (applied science). Masalah projek yang dikenalpasti dan telah diselesaikan oleh kumpulan adalah berhubung kait dengan bidang tertentu ini. Cadangan yang dikemukakan dan dilaksanakan juga adalah dalam bidang yang sama. Contoh projek teknikal ialah penciptaan peralatan baru, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan perwujudan kaedah teknikal baru.

(ii) Penyertaan bagi Pertandingan KIK dan Projek Inovasi adalah sepertimana dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kategori penyertaan dan pertandingan

Penyertaan	Jenis Pertandingan	Kategori Pertandingan
Pensyarah/Staf	KIK (Antara Jabatan)	Pengurusan
		Teknikal

Pensyarah/Staf	Projek Inovasi (Antara Jabatan)	Pengurusan
		Teknikal
Pelajar	Projek Inovasi	Teknikal

Berdasarkan kepada Jadual 1, penyertaan bagi Pertandingan KIK adalah khusus bagi pensyarah/staf IPG Kampus Ipoh sahaja. Manakala bagi Pertandingan Projek Inovasi pula dibahagikan kepada dua iaitu (a) pensyarah; dan (b) pelajar IPG Kampus Ipoh;

Pertandingan KIK dan Projek Inovasi dalam kalangan penarah/staf adalah dalam bentuk pertandingan antara jabatan. Setiap jabatan dikehendaki menyertai sama ada Pertandingan KIK atau Projek Inovasi atau menyertai kedua-duanya. Manakala, penyertaan pelajar pula dalam bentuk kumpulan. Setiap kumpulan pelajar tidak boleh melebihi tiga orang peserta.

(iii) Penyertaan dalam Anugerah KIK dan Projek Inovasi IPG Kampus Ipoh Tahun 2011 adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Projek KIK dan Projek Inovasi yang akan dipertandingkan hendaklah berkaitan dengan NKRA dan Perancangan Strategik IPG;
- (b) Projek KIK dan Projek Inovasi yang dicalonkan hendaklah projek yang sedang dilaksanakan atau projek baru; dan
- (c) Projek KIK dan projek inovasi yang pernah dicalonkan dan memenangi mana-mana Anugerah Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa adalah tidak layak dicalonkan semula.

5. PANEL PENILAI

Panel Penilai akan dianggotai oleh seorang pengerusi dan ahli-ahli panel yang terdiri daripada:

- a) Jawatankuasa Pemandu KIK IPG Kampus Ipoh.
 - b) Fasilitator KIK (Luar IPG Kampus Ipoh)
- (Pengerusi akan dipilih oleh ahli-ahli panel penilai inovasi & KIK).

Laporan lengkap projek KIK dalam bentuk MS Powerpoint yang dicetak (2 slaid bagi setiap muka surat) perlu dihantar bagi setiap penyertaan. Manakala laporan lengkap Projek Inovasi juga perlu dihantar bagi setiap penyertaan. Panel penilai akan mengkaji laporan projek KIK dan projek inovasi tersebut untuk disenarai pendekkan. Seterusnya mencadangkan projek KIK bagi dipertandingkan pada Hari Pertandingan KIK dan Projek Inovasi IPG Kampus Ipoh Tahun 2011.

6. TATACARA PEMILIHAN DAN PENILAIAN

(i) Kaedah Pemilihan

Kaedah pemilihan dilakukan dengan cara membuat senarai pendek berasaskan penilaian ke atas Laporan Projek KIK dan Laporan Projek Inovasi. Peserta dinasihatkan supaya menyediakan Laporan Projek KIK berasaskan Kriteria Penilaian. Manakala penyediaan Laporan Projek

Inovasi perlulah berpandukan Format Laporan Anugerah Inovasi sepertimana ditunjukkan dalam Lampiran I.

(ii) Kriteria Penilaian

Kriteria penilaian bagi Projek KIK adalah sepertimana ditunjukkan dalam Lampiran II. Manakala kriteria penilaian bagi Projek Inovasi adalah sepertimana ditunjukkan dalam Lampiran III.

Kriteria penilaian ini adalah berdasarkan kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

7. HADIAH

Pemenang bagi setiap kategori dicadangkan untuk dianugerahkan hadiah sepertimana ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Hadiah Pertandingan KIK dan Projek Inovasi

Johan pertandingan akan menerima Piala Pusingan	Pensyarah/Staf				Pelajar
	KIK		Projek Inovasi		Projek Inovasi
	Pengurusan	Teknikal	Pengurusan	Teknikal	Teknikal
	Piala Pusingan Pengarah IPG Kampus Ipoh	Piala Pusingan Pengarah IPG Kampus Ipoh	Piala Pusingan Pengarah IPG Kampus Ipoh	Piala Pusingan Pengarah IPG Kampus Ipoh	
	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil
	Plak	Plak	Plak	Plak	Plak

Pengarah, Sijil dan Plak. Manakala Naib Johan dan tempat ketiga akan menerima Sijil dan Plak. Bagi mana-mana kumpulan yang mencapai tahap cemerlang pula akan diberikan penarafan bintang.

8. KEWANGAN

Segala sumber kewangan bagi pelaksanaan Anugerah KIK IPG Kampus Ipoh Tahun 2011 adalah bergantung kepada Tabung Amanah dan OS 29000.

9. JADUAL PELAKSANAAN

BIL	PERKARA/AKTIVITI	CADANGAN/TARIKH
-----	------------------	-----------------

1	Penyediaan Kertas Konsep	21 Januari 2011
2	Hebahan Penyertaan	24 - 29 Januari 2011
3	Tarikh Tutup Pengesahan Penyertaan	29 Januari 2011
4	Penyerahan Laporan Projek yang lengkap / Persembahan Powerpoint (3 salinan)	31 Mac 2011
5	Persembahan dan penilaian Panel Penilai pada Pertandingan KIK IPG Kampus Ipoh Tahun 2011	26 April 2011
6	Mewakili IPG Kampus Ipoh ke Konvensyen KIK Negeri, KPM, Kebangsaan, Antarabangsa.	Akan ditentukan kemudian

10. JAWATANKUASA PELAKSANA

Senarai Jawatankuasa Pertandingan KIK dan Projek Inovasi IPG Kampus Ipoh Tahun 2011 adalah sepertimana berikut:

JAWATAN KUASA	NAMA	JABATAN
PENAUNG	HJ. ABD. KADIR B. BASIRAN	PENGARAH
PENASIHAT	HJ MAT AKHIR BIN HJ ABDULLAH	TIMBALAN PENGARAH
PENGERUSI	Dr. ABDUL HADI MAT DAWI	JTP
SETIAUSAHA	Dr. YAHYA OSMAN	JTP
BENDAHARI	CIK ANNUSIA a/P UTHEYE KUMAR	PEN. AKAUNTAN
SERANTA	Dr. ROSLI SAHAT	JPIPK
PERALATAN	TN. HJ. ZULKIFLI b. HASAN	PJK
PERASMIAN & PENUTUP	Dr. SHAHARUDDIN b. SHAARI	JPM
BUKU PROGRAM	EN. SALEHUDDIN b. HUSSAIN	HEP
SIJIL, HADIAH &	PN. MAHAYON ABAS	J. MATEMATIK

CENDERAMATA		
SIARAYA & VIDEO	TN. HJ. LOKMANHAKIM AB. WAHID	J. SAINS
PERSIAPAN TEMPAT	EN. MOHD KAMAL M. YUSOF	J. SAINS SOSIAL
PERTANDINGAN & PENGADILAN	EN. MOHAMAD YUSNI MOHD JUNOS	J. BAHASA
JEMPUTAN	TN. HJ. AHMAD B. AHMAD RUSDI	JIP
URUS SETIA	TN. HJ. AS'AD AWANG	JAPIM

11. BIMBINGAN DAN KONSULTASI

Bagi memantapkan penyertaan pasukan yang mengambil bahagian dalam pertandingan KIK, program bimbingan dan konsultasi akan diadakan. Setiap jabatan perlu menghantar dua orang wakil bagi menyertai kursus pemantapan KIK yang akan dijalankan pada awal Februari 2011.

12. KAEDAH PERMOHONAN

Setiap penyertaan dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen seperti berikut:

(i) Borang penyertaan.

Borang penyertaan hendaklah diisi oleh Ketua Jabatan/Institusi dan dihantar kepada Urus Setia Pertandingan sebelum 29 Januari 2011. Format Borang permohonan adalah seperti di Lampiran IV – Pertandingan KIK, dan Lampiran V – Pertandingan Projek Inovasi.

(ii) Laporan permohonan yang lengkap

Semua penyertaan hendaklah diserahkan bersama-sama dengan Laporan Projek yang lengkap sebanyak tiga (3) salinan sebelum 31 Mac 2011 dan dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Institusi masing-masing kepada:

Urus Setia,
 Pertandingan KIK dan Projek Inovasi 2011,
 d/a Jabatan Agama Islam dan Moral,
 Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh,
 31150 Hulu Kinta,

Perak Darul Ridzuan.

Jika ada sebarang kemusykilan, sila hubungi:

Dr Abdul Hadi bin Mat Dawi
Jabatan Teknologi Pendidikan

Dr. Yahya bin Osman
Jabatan Teknologi Pendidikan

13. PENUTUP

Pelaksanaan Anugerah KIK IPG Kampus Ipoh Tahun 2011 adalah signifikan dalam meneruskan kesinambungan aktiviti meraikan kreativiti dan inovasi negara. Ianya akan membantu warga IPG Kampus Ipoh strategi dan struktur serta menghayati budaya inovasi sebagai satu cara menggalakkan reka cipta, pembaharuan, kreativiti dan dinamisme yang akan menyumbang ke arah IPG Kampus Ipoh sebagai pusat pendidikan keguruan bertaraf dunia.

SETIAUSAHA,
JAWATANKUASA PEMANDU KIK,
IPG KAMPUS IPOH.

Terakhir Dikemaskini (Ahad, 20 Februari 2011 03:34)